




Muhammad Asyraf



Fynn Jamal



Daing Nasir

Artis, penyair hangatkan Puisi Riong di Gambang

BH (Nasional) / 10/11/11 ms 6

KUALA LUMPUR: Malam Puisi Riong yang menyatukan tokoh akademik, penyair dan penyanyi di pentas puisi membuka tirai 2011, di Kompleks Sukan, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Gambang, malam ini.

Malam Puisi Riong: Apakah Dosaku, kali ini dihangatkan dengan kehadiran penyanyi lagu berunsur kerohanian, Ramli Sarip dengan dua lagu popularnya, *Kekasihku* dan *Ziarah* yang memaparkan fenomena sosial dalam masyarakat dunia masa kini.

Ramli Sarip berkata, beliau memilih *Kekasihku* dan *Ziarah* kerana percaya mesej kesedaran sosial yang dipaparkan karyanya itu mampu mendidik khalayak.

"*Kekasihku* menceritakan kehidupan kanak-kanak terbiar, manakala *Ziarah* memaparkan kisah di suatu tempat yang masih wujud anak terbiar dan kebuluran," katanya.

Peserta Akademi Nasyid 2008, Cicik atau nama sebe-




CICIK rahsiakan lagu kedua.

narnya Mohd Shukri Nasron, pula bakal mempersembahkan dua lagu puisi dan satu daripadanya ialah *Berita Buat Kawan* karya Ebiat G Ade.

"Saya memberi nafas kontemporari pada lagu terbabit

dan sebuah lagi biar menjadi rahsia kerana saya mahu khalayak Malam Puisi Riong BH-UMP tertanya-tanya apakah yang akan saya hidangkan untuk halwa telinga mereka," katanya.

Sementara itu, Naib Can-



RAMLI bawa dua lagu kerohanian.

selor, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim yang pertama kali beraksi di pentas puisi akan mendeklamasikan puisi, *Wahai Anakku* yang ditulis khusus untuk Malam Puisi Riong Berita Harian-UMP.

Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Mior Kamarul Shahid, juga beraksi di pentas puisi bersama Penerima Anugerah Penulisan SEA 2000, Prof Madya Dr Lim Swee Tin; penyair bersuara lantang dari Pahang, Marsli

NO dan Setiausaha Politik Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Suhaimi Ibrahim.

Juara Imam Muda, Muhammad Asyraf Mohd Ridzuan; penyair indie, Fynn Jamal; penyanyi jazz, Taheera Rosheena; dua penyair siber Persatuan Aktivis E-Sastera, Malaysia (E-Sastera), Anual Bakhri Haron dan Wan Nur Ilyani Wan Abu Bakar akan tampil mempersembahkan lagu puisi. Acara bermula jam 8.30 malam.